AUTHOR: No author available SECTION: EKONOMI AUDIENCE : 46,471 PAGE: 0
PRINTED SIZE: 316.00cm² PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,849 WORDS: 459 ITEM ID: DP0122501904



12 NOV, 2026

12,374 pengguna terima rebat solar

Suara Sarawak, Malaysia

12,374 pengguna terima rebat solar



DATUK Seri Fadillah menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

KUALA LUMPUR: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sedang meneliti kemungkinan melanjutkan atau menambah baik pelaksanaan Program Suria MADANI atau SuRIA Home selepas tempoh program itu dijadualkan berakhir pada 31 Disember ini.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kerajaan masih menilai keperluan untuk meneruskan program berkenaan tahun depan, dengan mengambil kira baki peruntukan yang masih tersedia.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan pengguna yang permohonannya sudah diluluskan tetap layak menerima rebat meskipun pemasangan sistem solar di kediaman masing-masing belum selesai selepas program tamat.

Katanya, pemasangan bagi pemohon yang mendapat kelulusan perlu disiapkan selewat-lewatnya pada Mac 2027 bagi membolehkan mereka menikmati rebat berkenaan.

"Berhubung kait dengan Suria MADANI, kita masih ada baki RM90 juta. Jadi, memang kita akan sambungkan.

"Bagi mereka yang telah memohon dan permohonan diluluskan, mereka akan dapat meneruskan pemasangan solar dengan syarat solar mesti disiapkan pemasangan sehingga Mac tahun depan dan mereka akan masih dapat rebat yang telah diputuskan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, Fadillah berkata sebanyak 24,291 permohonan di bawah program Solar ATAP dengan kapasiti keseluruhan 391.85 megawatt (MW) diluluskan setakat 15 September 2026.

Jumlah itu meningkat hampir 190 peratus berbanding kapasiti kelulusan sekitar 135.92 MW pada 30 April lalu, dalam tempoh empat setengah bulan.

Program Solar ATAP yang bermula 1 Januari 2026 dilaksanakan tanpa kuota khusus, membolehkan pengguna domestik, komersial dan industri memasang sistem solar untuk kegunaan sendiri.

Bagi membantu pengguna domestik, kerajaan memperkenalkan Program Suria MADANI dengan peruntukan RM150 juta yang menawarkan rebat RM600 bagi setiap satu kilowatt (kW), sehingga maksimum RM3,000 bagi pemasangan sistem solar berkapasiti 5kW.

Program itu menyasarkan antara 45,000 hingga 50,000 kediaman, tertakluk kepada kuota kapasiti 250 MW.

Sehingga 15 September 2026, seramai 12,374 pengguna domestik menerima rebat berjumlah RM36.2 juta.

Dalam pada itu, Fadillah berkata pengguna turut mempunyai pilihan mendapatkan pemasangan sistem solar menerusi model pembiayaan pasaran seperti solar leasing atau rent-to-own yang dapat mengurangkan keperluan modal awal.

PETRA akan terus menilai prestasi kedua-dua program, termasuk kos pemasangan dan pilihan pembiayaan bagi memperluas manfaat peralihan tenaga kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Mengenai aspek keselamatan, beliau menegaskan pemasangan sistem solar perlu dilakukan oleh pihak yang berkelayakan dan berdaftar bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian ditetapkan.

Beliau turut menasihatkan pengguna supaya merujuk PETRA, Tenaga Nasional Bhd (TNB) atau Suruhanjaya Tenaga (ST) sebelum mendapatkan khidmat pemasangan bagi mengelakkan manipulasi harga serta masalah kualiti sistem.

Pengguna yang berdepan masalah dengan pemasang tidak berdaftar juga diminta merujuk kementerian untuk tindakan siasatan.

- Bernama

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.